

## lokal



### INISIATIF BUAT MEREKA HILANG PEKERJAAN

# SIP bantu membina hidup

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penguatkuasaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan program latihan semula dalam Ekonomi Madani yang diumumkan oleh kerajaan dilihat penting bagi membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman berkata, sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan, SIP mampu berperanan bagi mendapatkan pekerjaan dalam jangka masa yang cepat.

Beliau turut melahirkan keyakinan jika diperkuatkan, ia boleh berperanan aktif dalam intervensi pasaran buruh.

"(SIP) boleh mengurangkan isu pasaran buruh terutamanya dalam mahu mencari pekerjaan. Adalah amat penting memperkuatkan SIP ini. Kita boleh membantu mengurangkan 'geseran pekerjaan'.

"Geseran pekerjaan ini bermaksud individu yang mahu mencari pekerjaan itu akan mendapat pekerjaan dalam jangka masa yang cepat. Tidaklah dia menganggur dalam jangka masa yang lama.

"Contohnya apabila dia dibuang kerja, dia tahu ke mana mahu pergi dan rujuk. Dia akan merujuk ke SIP yang ada pusat mencari kerja," katanya.

Menurutnya, sistem integrasi melalui SIP amat diperlukan agar semua maklumat itu dikawal selia oleh kerajaan dan memastikan ia tepat.

"Sesetengah individu itu bagi mendapatkan pekerjaan lain dia menggunakan perkhidmatan swasta, JobStreet dan sebagainya.

"Tetapi sebenarnya kita perlukan satu sistem integrasi melalui SIP ini supaya semua maklumat itu dikawal selia oleh kerajaan dan maklumat itu adalah tepat.

"(Pihak) industri pun tahu, kalau perlukan pekerja, dia terus memaklumkan melalui bahagian tertentu di SIP yang melihat pekerja ini," katanya.

Dari segi program latihan semula bagi menye-



SIP mampu mengurangkan isu pasaran buruh terutamanya kepada mereka yang mencari pekerjaan.

diakan penganggur dengan pekerjaan, Muhammad Daaniyall berkata, ia seterusnya dapat memastikan pasaran buruh di negara ini sentiasa dikemaskini dengan keperluan semasa industri.

"Industri ini cepat berubah. Contohnya apabila kita masuk universiti dan empat tahun selepas itu akan bergraduasi. Bagaimanapun, dalam industri (pekerjaan) masa empat tahun itu macam-macam sudah berubah.

"Jadi, latihan semula ini diperlukan bagi menepati permintaan industri (di negara ini)," katanya.

Katanya, perkara ini adalah penting bagi memas-

tikan Malaysia mencapai negara maju serta memenuhi permintaan industri.

Sementara itu, Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latif turut memuji langkah yang diambil oleh kerajaan dengan penguatkuasaan SIP ini.

Katanya, penguatkuasaan ini amat penting bagi menghadapi perubahan dan ketidakpastian ekonomi.

"Kerajaan tidak boleh menjangka atau meramalkan semua kemungkinan yang berlaku. Disebabkan itu, SIP menjadi lebih kritikal dalam suasana ekonomi sekarang," katanya.

Bagi program latihan semula, Ahmed Razman berkata, intervensi amat perlu dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan kemahiran seseorang itu.

"Apabila industri baru muncul seperti ekonomi digital yang melibatkan teknologi, kadangkala ia memerlukan masa untuk mengadaptasi, memer-

lukan peningkatan kemahiran dan pengetahuan.

"Oleh itu, inisiatif sebelum pekerja itu mendapat pekerjaan yang lebih sesuai amat perlu (dibuat)," katanya.

Di bawah Ekonomi Madani, kerajaan akan terus mengukuhkan sistem insurans pekerjaan dan program latihan semula bagi menyediakan penganggur dengan pekerjaan.

Pendekatan ini selaras dengan peralihan daripada melindungi pekerjaan kepada melindungi pekerja dalam konteks ekonomi yang cepat berubah.

**"Contohnya apabila dia dibuang kerja, dia tahu ke mana mahu pergi dan rujuk. Dia akan merujuk ke SIP yang ada pusat mencari kerja"**

